




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : <http://finance.moh.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SIJIL: AR 5597

Ruj. Kami: (27) dlm.KKM-500/900/92 Jld.4

Tarikh : 25 Mac 2016

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENETAPAN KADAR BAYARAN DEPOSIT BAGI PERALATAN ORTOPEDIK YANG DIPASANG SEMENTARA (*EXTERNAL FIXATOR*) UNTUK SEMUA PERINGKAT KELAS 1, KELAS 2 DAN KELAS 3 DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, kadar bayaran deposit bagi peralatan ortopedik yang dipasang sementara iaitu *External Fixator* (EF) yang berkuatkuasa sekarang melalui surat edaran Kementerian rujukan 203/18 (76) bertarikh 12 Januari 2001 adalah berdasarkan kepada caj prostesis di perenggan 10, Perintah Fi (Perubatan) 1982. Kadar tersebut ialah harga sebenar peralatan bagi pesakit Kelas 1, separuh dari harga sebenar bagi pesakit Kelas 2 dan satu perempat dari harga sebenar bagi pesakit Kelas 3.

3. Untuk makluman, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 mengenai Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik Di Hospital KKM telah membuat teguran bahawa berlaku ketidakseragaman dalam mengenakan deposit peralatan EF antara hospital-hospital KKM. Ketidakseragaman tersebut berlaku adalah disebabkan di antaranya pesakit tidak mampu membayar deposit yang telah ditetapkan terutama pesakit Kelas 3.

4. Justeru itu, pihak Kementerian telah mengkaji semula kadar deposit tersebut dan YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah bersetuju untuk meluluskan **kadar baru bagi bayaran deposit peralatan EF** seperti berikut:

- (i) **Bagi peralatan EF yang berharga sehingga RM10,000.00, kadar deposit adalah sebanyak RM500.00 untuk semua kategori kelas pesakit; dan**
- (ii) **Bagi peralatan EF yang berharga melebihi RM10,000.00, kadar deposit ditetapkan sebanyak 15% daripada kos sebenar peralatan bagi Kelas 1, 10% daripada kos sebenar peralatan bagi Kelas 2 dan 5% daripada kos sebenar peralatan bagi Kelas 3.**

5. Sehubungan itu, perenggan 2 dalam surat edaran KKM rujukan 203/18 (76) bertarikh 12 Januari 2001 adalah dipinda dengan kadar deposit yang baru seperti perenggan 4 di atas.

6. Kerjasama semua Ketua Pusat Tanggungjawab di semua peringkat KKM adalah dimohon untuk melaksanakan peraturan tersebut. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Unit Hasil, Bahagian Kewangan, KKM.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(WONG FOONG LAI)

Bahagian Kewangan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
Ketua Perkhidmatan Ortopedik Kebangsaan